



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**METAFORA KONSEPSI BERDASARKAN TAJUK
BERITA AKHBAR**

NURSAFAWATIE BINTI MAHADI

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN BAHASA
GUNAAN (KEPUJIAN) BAHASA MELAYU
KOMUNIKASI PROFESIONAL**

JUN 2016

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**METAFORA KONSEPSI BERDASARKAN TAJUK
BERITA AKHBAR**

NURSAFAWATIE BINTI MAHADI

Penulisan Ilmiah yang dikemukakan untuk memperolehi
**Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Gunaan (Kepujian) Bahasa
Melayu Komunikasi Profesional**

Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa

JUN 2016



**JABATAN PENGAJIAN MELAYU
AKADEMI PENGAJIAN BAHASA**

METAFORA KONSEPSI BERDASARKAN TAJUK BERITA AKHBAR

DISEDIAKAN OLEH

NURSAFAWATIE BINTI MAHADI

2013455812

Projek ilmiah ini telah diterima oleh Jabatan Pengajian Bahasa untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Gunaan (Kepujian) Bahasa Melayu Komunikasi Profesional pada 2015/2016

Penyelia

Ketua Pusat Pengajian
Bahasa Melayu

Tarikh

Tarikh

PENGAKUAN

Dengan ini, saya menyatakan bahawa segala kerja-kerja yang dilakukan dalam Projek Ilmiah ini telah dihasilkan tertakluk kepada peraturan Universiti Teknologi MARA. Ia merupakan karya yang asli dan dihasilkan oleh saya sendiri, kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumber rujukannya. Projek Ilmiah ini belum pernah dihantar atau diserahkan kepada mana-mana institusi akademik atau institusi bukan akademik untuk tujuan pengijazahan atau lain-lain penganugerahan.

Sekiranya Projek Ilmiah ini telah terbukti melanggar perkara yang telah disebutkan di atas, saya dengan suka relanya akan mengenyepikan atau tidak menuntut sebarang hak untuk penganugerahan ijazah saya. Saya juga bersetuju supaya dikenakan tindakan disiplin berdasarkan peraturan yang telah termaktub oleh Universiti Teknoogi MARA.

Nama : Nursafawatie bt Mahadi
No. Pelajar : 2013455812
Program : Pengajian Bahasa Gunaan (kepujian) Bahasa Melayu Komunikasi Profesional
Fakulti : Akademi Pengajian Bahasa
Tajuk : Metafora Konsepsi berdasarkan Tajuk Berita Akhbar

Tandatangan :
Tarikh :

ABSTRAK

Semantik kognitif ialah pendekatan yang bertunjangkan pengalaman (*experientialist approach*) dan mengambil kira pengalaman lampau serta alam sekeliling. Metafora bukan sahaja aspek penting dalam bahasa tetapi berkaitan dengan pemikiran atau cara berfikir. Metafora konsepsi biasa digunakan oleh manusia untuk memahami entiti yang abstrak melalui sesuatu yang konkrit. Namun, kajian ini juga akan menggunakan teori Metafora Konsepsi oleh Lakoff (1993) yang melibatkan proses pemetaan dua domain iaitu domain sumber dan domain sasaran. Domain sumber ini dijadikan sebagai entiti konkrit untuk memahami entiti abstrak yang juga dikenali sebagai domain sasaran. Permasalahan kajian ini mendapati bahawa pengkaji lepas menggunakan genre seperti novel, skrip teater, simpulan bahasa, peribahasa, polisemi dan sebagainya telah menjadi pewajaran kepada pengkaji untuk melakukan satu kajian metafora konsepsi berdasarkan tajuk berita akhbar dengan mengaitkan metafora konsepsi, proses pemetaan domain, jenis-jenis metafora konsepsi dan skema imej. Kajian ini bermatlamat untuk mengkaji metafora linguistik dalam tajuk berita akhbar menghasilkan metafora konsepsi serta skema imej dan pola jenis metafora yang terdapat dalam tajuk berita akhbar. Data kajian telah di ambil daripada bahan lama iaitu carian arkib lama daripada Utusan Malaysia sebagai sumber data. Hasil kajian yang dijalankan, metafora konsepsi telah berjaya dianalisis berdasarkan proses pemetaan domain dalam menerangkan sistem konseptual yang ada pada pemikiran pengarang terhadap tajuk berita dalam akhbar.